

NAMA : MUHAMMAD HAFIZZUL BIN ABDUL MANAP (A20EC0211)

SECT : 78

UHIS 1022 -78 FALSAFAH DAN ISU SEMASA

Aktiviti 1

Bagaimana mewujudkan keseimbangan JERI dalam kehidupan seorang pelajar?

Keseimbangan JERI dapat diwujudkan dalam kehidupan seorang pelajar dengan melibatkan pelajar di dalam semua kegiatan kurikulum dan kokurikulum ketika berada di sekolah. Dengan melibatkan pelajar dengan aktiviti di dalam dan di luar kelas ini, keseimbangan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dapat dipupuk dalam diri pelajar. Pelajar juga tidak hanya akan tertumpu kepada proses pembelajaran sahaja, malah akan dididik untuk mengembangkan potensi potensi lain. Ianya akan memberikan faedah kepada pelajar dengan memberikan pengalaman baharu untuk ditimba oleh semua pelajar. Contohnya aktiviti di luar kelas seperti aktiviti kokurikulum dan aktiviti sukan dapat mengembangkan potensi pelajar dalam aspek jasmani selain dapat menyihatkan tubuh badan. Pelajar juga boleh mengawal emosi mereka dengan baik apabila mula bersosial dan mengenali orang lain. Tidak lupa juga, aktiviti aktiviti ini juga dapat menguatkan rohani pelajar seperti kelas agama dan al-Quran bagi pelajar beragama Islam. Akhir sekali, sifat intelek pelajar juga bukan hanya boleh dikembangkan di dalam kelas sahaja, malah boleh dikembangkan dengan proses pembelajaran di luar kelas terutamanya perkara-perkara yang tidak diajar di dalam kelas. Oleh itu, institusi pendidikan perlulah memainkan peranan mereka agar setiap potensi pelajar boleh dikembangkan dan dididik sejak awal. Tidak lupa juga, pelajar perlulah aktif dan tidak mempunyai sifat malas dalam diri untuk melibatkan diri mereka dengan aktiviti-aktiviti di sekolah kerana ianya akan memberi manfaat dan nilai tambah kepada diri mereka juga.

Aktiviti 2

Bincangkan pemahaman anda tentang asal-usul kejadian manusia dari perspektif pelbagai agama.

Melalui apa yang telah saya pelajari, terdapat pelbagai pendapat mengenai asal usul kejadian manusia. Pendapat-pendapat ini juga turut datang dari konsep agama. Terdapat pelbagai teori tentang asal usul kejadian manusia dan kesemuanya mempunyai perbezaan sedikit sebanyak mengenai asal usul kejadian manusia. Kepelbagaian teori berkaitan kejadian manusia adalah kesan daripada perbezaan epistemologi (falsafah ilmu). Contohnya ahli falsafah Barat merujuk kepada akal dan pancaindera sahaja manakala ahli falsafah Islam merujuk kepada wahyu, al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW. Perbezaan yang jelas antara teori kejadian manusia menurut falsafah klasik dan Islam ialah ahli falsafah klasik mengemukakan teori kejadian manusia dengan merujuk kepada dua sumber ilmu iaitu akal dan pancaindera. Manakala teori kejadian manusia menurut Islam adalah merujuk kepada sumber tertinggi ilmu menurut epistemologi Islam iaitu wahyu, al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Sebagai contoh, teori menurut Aristotle ialah apa yang wujud sebenarnya ialah alam indera (dunia nyata) iaitu realiti seorang manusia adalah manusia yang sedang berada di alam nyata ini manakala teori menurut Karl Marx ialah manusia tidak bererti tanpa masyarakat manakala yang sebenarnya yang bererti ialah masyarakat. Dari sudut pandangan Islam, manusia pada asal kejadiannya terdiri dari dua unsur utama iaitu jasad dan roh. Kedua dua unsur ini mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri yang akhirnya akan membentuk personaliti seorang manusia itu sendiri. Disamping dua unsur ini, manusia juga dibekalkan oleh Allah SWT dengan beberapa elemen lain seperti hati, akal serta nafsu. Persamaan teori teori tersebut dengan Islam ialah dengan tidak menafikan kewujudan manusia. Manakala perbezaan teori tersebut dengan Islam pula ialah teori dari ahli falsafah Barat adalah berlandaskan akal dan pancaindera manakala pendapat dari ahli falsafah Islam adalah berdasarkan wahyu, al-Quran dan Sunnah Nabi. Oleh itu, kita perlulah memahami asal usul kejadian manusia ini supaya sedar akan keagungan dan kekuasaan Allah serta tidak sompong dan bongkak berjalan di bumi Allah tanpa menharapkan pengharapan terhadap Allah SWT.